






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KETIGA 2019 (Q3 2019)

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index (RPPI)* Negara Brunei Darussalam bagi suku ketiga 2019. Indeks ini dihasilkan dengan data-data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).
2. Pada suku ketiga tahun 2019, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 11.6% tahun-ke-tahun kepada 95.4 berbanding dengan suku ketiga tahun 2018, dan peningkatan sebanyak 6.9% berbanding dengan suku kedua tahun 2019.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q3 2018	Dari Q2 2019
Q3 2019	95.4	11.6%	6.9%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian harta tanah kediaman yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 108 transaksi pembelian harta tanah kediaman telah dicatatkan pada suku ketiga tahun 2019. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah *detached* (54.63%), diikuti oleh rumah teres (18.52%), rumah berkembar atau *semi-detached* (17.59%) pangaspuri (8.33%), dan tanah (0.93%).

4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman pada tempoh suku ketiga tahun 2019 adalah BND260,000. Harga median bagi pembelian rumah *detached* adalah BND288,000, bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND290,000, bagi rumah teres adalah

BND205,000, bagi pangsapuri adalah BND190,000, dan bagi tanah adalah BND85,000. Harga median secara keseluruhan bagi pembelian hartanah kediaman pada tempoh suku ketiga tahun 2019 adalah lebih tinggi berbanding dengan suku ketiga tahun 2018 di mana peningkatan sebanyak 4.0% telah dicatatkan. Jika dibandingkan dengan suku kedua 2019, harga median bagi pembelian hartanah kediaman bagi suku ketiga 2019 adalah tidak berubah.

5. AMBD ingin memaklumkan bahawa indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman adalah berbeza tertakluk antaralainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD (www.ambd.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 27 Rabiulakhir 1441H/ 24 Disember 2019M

Rujukan: AMBD/COMMS/3